

## **PENGHARGAAN**

Segala puji syukur penulis panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana pada akhirnya penulis berjaya menyiapkan penulisan Disertasi ini. Penulis merasa bertuah mendapat bimbingan sepenuhnya daripada Profesor Madya Dr. Ishak Suliaman. Penulis merasa berhutang budi kepada beliau, bukan hanya kerana idea-idea, dorongan, nasihat dan pemikiran cemerlang beliau yang dituangkan dalam disertasi ini, tetapi juga kesabaran dan ketinggian budi bahasa yang beliau tunjukkan selama proses penyelidikan dan bimbingan Disertasi ini. Hanya Allah SWT jualah yang dapat membalias budi dan jasanya, Amin...!

Dalam kesempatan ini juga penulis ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan kepada pihak-pihak berikut:

1. Dekan berserta seluruh staf Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Malaya (UM) yang telah sudi meluluskan peruntukan penyelidikan melalui IIIP. Semoga pihak IPS dan seluruh staf IIIP mendapatkan kejayaan serta balasan daripada Yang Maha Kuasa, Amin!
2. Pengarah, Timbalan Pengarah dan Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith bahagian pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Mereka semua – bersama penyelia – bukan setakat memberi sokongan akademik serta limpahan ilmu kepada penulis. Sehingga dengan demikian penulis boleh menumpukan perhatian sepenuh masa kepada aktiviti penyelidikan dalam Disertasi.
3. Pegawai dan kaki tangan APIUM, Perpustakaan Pusat Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak yang telah membantu memberi layanan buku-buku rujukan serta maklumat lain yang diperlukan.
4. Kedua-dua orang tuaku tercinta iaitu. H. Jali bin Daem dan ibuku Hj. Hayati binti H. Jumri yang telah mendidik serta memberi sokongan moral dan kewangan

kepada penulis untuk melanjutkan program pengajian di peringkat Sarjana. Tanpa bantuan kedua orangtuaku tersebut, mungkin penulis tidak dapat menyambung pengajian di peringkat Sarjana ini. Semoga Allah selalu menerima amal kedua orangtuaku tersebut. Amin.

5. Isteriku Nur Dianah yang selalu memberikan semangat untuk menyiapkan Disertasi ini serta kesabaran dan ketabahannya dalam membantu dalam semua keadaan. Mudah-mudahan Allah senantiasa memberikan kesabaran kepada beliau.
6. Keluargaku yang bermastautin di Bawean (utama sekali: Pak cik H. Romli, Pak Cik Dahuri, nenek yang telah membesarkan saya iaitu Hj. Maryam, mak cik Hj. Ti'u dan Hj. Natun) yang telah mendidik, merawat, menjaga dan membesarkan penulis sejak kecil sehingga dewasa. Dan tentu sahaja kontribusinya yang paling besar kepada penulis adalah lingkungan pendidikan yang agamis. Kerana faktor inilah, penulis merasa mempunyai pegangan yang kuat kepada norma-norma agama ketika besar seperti sekarang ini.
7. Guru-guruku sejak kecil lagi iaitu Ust. Rafi'i, guru-guru semasa belajar di Pondok Pesantren Nurul Jadid, sejak Madrasah Thanawiyah sehingga Madrasah Aliyah. Untuk menyebut beberapa di antaranya: Ust. Basith Juin Haq, Ust. Syamsuri Hasan, dan lain-lain. Dan penghargaan setinggi-tingginya kepada para pengasuh: KH. Zuhri Zaini, KH. Khatim Zaini, yang dengan lapang hati memberikan peluang kepada penulis untuk belajar di sana sekali gus memberikan ilmu. Semoga dosa beliau berdua selalu diampuni Allah. Juga do'a penulis kepada pengasuh yang berpulang ke rahmatullah iaitu KH. Zaini Mun'im, KH. Hasyim Zaini, KH. Wahid Zaini, KH. Hasan Abdul Wafi dan KH. Abdul Haq Zaini. Semoga arwah mereka semua diterima di sisi Allah SWT. Daripada guru-guru di pondok ini, penulis belajar tentang kesederhanaan hidup dan erti tawaduk.

8. Sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan, khususnya yang bergabung dalam PPI (Persatuan Pelajar Indonesia) Cabang Universiti Malaya, MBC (Malaysian Bawean Club), guru-guru di Sekolah Setiabudi, Gombak. Kawan-kawan satu rumah di Gombak, seperti Hanif dan Azmi. Penghargaan juga atas individu tertentu yang selalu memberikan motivasi kepada penulis iaitu Ust. Zain Karem. Beliau adalah guru sekali gus sahabat dalam berkongsi perbagai pengalaman hidup. Juga kepada beberapa kawan seperti Bukhari dan Awi.

Penulis sedar bahawa kejayaan dalam menyiapkan semua proses penyelidikan Disertasi ini disebabkan bantuan dan sokongan mereka semua. Oleh kerananya, sejambak penghargaan dan ribuan terima kasih penulis sampaikan, semoga mereka mendapatkan balasan pahala daripada Allah SWT *Bāraka Allāh Lahum*.

## **HASAN BIN JALI**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

**28 DZULHIJJAH 1432 H  
24 NOVEMBER 2011 M**